

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

**KAKITANGAN PHARMANIAGA RAI LEBIH 100
ANAK-ANAK YATIM DI MAJLIS IFTAR**

BANGI, 8 Jun 2018 – Sambutan Ramadan tahun ini lebih bermakna kepada kira-kira 200 kakitangan dan pihak pengurusan Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga), apabila syarikat farmaseutikal tersebut meraikan lebih 100 anak-anak yatim pada sebuah majlis iftar yang bertempat di sebuah hotel di sini.

Majlis iftar ini merupakan acara tahunan yang dijalankan oleh Pharmaniaga bertujuan untuk menggalakkan para kakitangan syarikat berbuka puasa bersama-sama dengan anak-anak yatim sekaligus mendekatkan jurang antara mereka dengan anak-anak tersebut. Di samping itu, majlis ini turut menjadi platform untuk berkongsi kegembiraan dan keceriaan dalam menyambut kehadiran Syawal.

“Tahun ini kami meraikan anak-anak yatim dari rumah kebajikan Baitul Barakah Wal Mahabbah. Ia merupakan sebuah pusat pengajian yang berkonsepkan rumah kebajikan yang menempatkan anak-anak yatim, golongan asnaf dan juga fakir miskin,” jelas Dato’ Farshila Emran, Pengarah Urusan Pharmaniaga.

“Program ini adalah program tradisi setiap tahun Pharmaniaga di mana kami meraikan anak-anak yatim untuk berbuka puasa dan memberi mereka sumbangan sebagai persediaan untuk menyambut Aidilfitri“, tambah Dato’ Farshila.

Anak-anak yatim tersebut telah dibawa khas dari Sepang, Selangor bersama-sama dengan guru pengiring serta penjaga rumah masing-masing. Setiap kakitangan Pharmaniaga yang hadir turut beramah mesra serta menjamu anak-anak ini dari awal sehingga majlis berakhir.

Mereka telah diraikan dengan pelbagai juadah berbuka puasa dan turut menerima sumbangan duit raya, beg sekolah, set baju sukan dan Vitamin C Citrex sebagai hadiah sumbangan dan tanda ingatan. Majlis iftar ini telah dimulakan dengan bacaan tazkirah, diikuti dengan zikir dan doa serta solat berjemaah.

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

“Semoga majlis seumpama ini dapat memberikan anak-anak yang tidak mempunyai ayah dan ibu merasakan kasih sayang dan keprihatinan dari kakitangan kami” ujar Dato’ Farshila.

-Tamat-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad, ahli kumpulan Boustead merupakan sebuah syarikat pelaburan yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah pembuatan farmaseutikal generik; penyelidikan dan pembangunan; pemasaran dan jualan; pergudangan dan pengedaran produk farmaseutikal dan perubatan; pembekal dan pemasangan alatan perubatan ke hospital serta farmasi komuniti.

Dengan visi untuk menjadi syarikat farmaseutikal Malaysia yang terunggul, Pharmaniaga berpegang teguh dengan falsafah “Perniagaan dengan Integriti” yang diterajui oleh misi syarikat, “**Passion for Patients**”.

Kumpulan Pharmaniaga sedang beroperasi di 38 tempat meliputi tiga buah negara ASEAN (Malaysia, Indonesia & Vietnam) dan mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau di dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato’ Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com